

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JANUARI 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 24

Sokong dasar galak peralihan tenaga

Sokong dasar galak peralihan tenaga

Kuala Lumpur: Kerajaan akan memberi sokongan sewajarnya untuk membentuk dasar bagi menggalakkan perkembangan ekosistem peralihan tenaga negara.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, walaupun peralihan tenaga amat penting untuk negara, namun ia perlu inklusif tanpa ada pihak tercicir serta tidak membebankan rakyat terutama golongan B40.

Sehubungan itu, kementerian berharap usaha ke arah penggunaan tenaga boleh diperbaharui dapat mengalakkan penggunaan tenaga lebih efisien serta mampu untuk semua rakyat Malaysia.

"Selain mengurangkan kos sara hidup, ia juga sepatutnya melindungi golongan rentan yang seringkali menjadi mangsa perubahan iklim.

"Pada hari ini misalnya, antara kos besar penjanaan elektrik adalah disebabkan oleh kenaikan harga bahan api arang batu

dan gas," katanya ketika berucap dalam lawatan kerja ke ibu pejabat Tenaga Nasional Bhd (TNB) baru-baru ini.

Nik Nazmi turut menekankan mengenai kepentingan pelaburan pembangunan infrastruktur elektrik demi komitmen TNB sebagai peneraju peralihan tenaga negara dengan memperkasa Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan melaksanakan Pelan Peralihan Tenaga.

Malah, katanya, menyedari kepentingan pelaburan untuk pembangunan infrastruktur elektrik, kerajaan meluluskan perbelanjaan modal RM20.6 bilion bagi tempoh kawal selia ketiga.

Di samping itu, beliau turut memuji usaha TNB dalam mengurangkan kebergantungan terhadap sumber penjanaan konvensional atau fosil melalui penerokaan dan penggunaan tenaga solar, hidro serta teknologi penjanaan berasaskan hidrogen dan ammonia bagi mengurangkan pelepasan karbon.



USAHA TNB untuk mengurangkan kebergantungan terhadap sumber penjanaan konvensional turut dipuji.